

CARA MUDAH MENGUASAI BAHASA INGGERIS

Oleh: Nur Fatimah Mudzaffar Shah, 1172657,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 1 Ogos 2020



Penguasaan bahasa Inggeris tidak dapat dipertikaikan kepentingannya walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di negara ini.

Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas sebagai bahasa global memerlukan bahasa tersebut dikuasai terutamanya oleh golongan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Hal ini kerana, penguasaan bahasa Inggeris yang lemah boleh menyebabkan kesukaran bagi graduan untuk mendapatkan pekerjaan.

Oleh yang demikian, penting bagi mahasiswa serta mahasiswi untuk menguasai bahasa Inggeris dengan baik bagi memudahkan proses menimba ilmu seterusnya dapat diaplikasikan dalam dunia pekerjaan.

Bagi meningkatkan keyakinan pelajar dalam menggunakan bahasa Inggeris, langkah pertama yang boleh dilakukan adalah menguasai asas tatabahasa.

Para pelajar boleh memilih buku tatabahasa Inggeris peringkat sekolah rendah kerana tatabahasa yang digunakan adalah sangat asas dengan dibantu oleh contoh-contoh yang mudah difahami.

Sehubungan itu, para pelajar akan berasa lebih yakin apabila mereka menganggap bahawa bahasa Inggeris merupakan satu perkara yang mudah untuk dipelajari.



Seterusnya, para pelajar boleh menguasai bahasa Inggeris dengan menikmati hiburan seperti menonton filem atau mendengar lagu-lagu dalam bahasa Inggeris.

Terdapat banyak pilihan lagu dan filem bahasa Inggeris yang boleh pelajar terokai mengikut minat masing-masing.

Kaedah ini dilihat dapat membantu pelajar IPT untuk mendengar bagaimana sesuatu perkataan itu disebutkan serta mempelajari intonasi sesuatu ayat melalui pendekatan yang menyeronokkan.

Para pelajar juga boleh meningkatkan asas kemahiran bahasa Inggeris dengan membuat rujukan menggunakan kamus atau *Google Translate*.

Kaedah ini sangat membantu para pelajar untuk memahami makna atau menterjemahkan perkataan atau ayat dengan tepat.

Lebih-lebih lagi penggunaan teknologi masa kini yang semakin berkembang memudahkan pelajar untuk mencari maklumat dengan mengakses internet sahaja.

Kaedah yang seterusnya adalah berkomunikasi sesama ahli keluarga dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama.

Terdapat sebahagian pelajar yang berasa rendah diri atau malu untuk bertutur dalam bahasa Inggeris dengan rakan-rakan sekuliah.

Mungkin mereka berasa takut akan ditertawakan dan diejek kerana penguasaan bahasa Inggeris yang lemah.

Oleh yang demikian, sokongan daripada ahli keluarga amat penting bagi memudahkan proses pembelajaran bahasa Inggeris.

Di samping itu, kaedah komunikasi ini juga berkesan untuk meningkatkan jumlah perbendaharaan kata dalam bahasa Inggeris serta menguasai corak ayat dengan lebih cepat.

Memang bukan mudah bagi seseorang pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris tanpa pemikiran yang positif dan keyakinan diri yang tinggi.

Kelemahan atau kegagalan pada masa lalu bukanlah halangan bagi para pelajar untuk meningkatkan kebolehan diri sendiri.

Diharap kaedah-kaedah yang dikongsikan ini dapat membantu dan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar IPT untuk memantapkan penguasaan bahasa Inggeris mereka dengan cemerlang.